

LAMPIRAN

**TANGGAPAN KAKITANGAN
PERKHIDMATAN AWAM TERHADAP
PRINSIP-PRINSIP PENGURUSAN ISLAM**

**Penyelidikan Peringkat Sarjana
Universiti Malaya 2000/2001**

**SARJANA PENTADBIRAN AWAM
FAKULTI EKONOMI DAN PENTADBIRAN , UM**

Kajian ini dijalankan oleh Azlina Bt. Abdul Aziz (No k/p: A3241700) merupakan seorang pelajar dalam bidang Pentadbiran Awam di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran. Ia adalah sebahagian dari prasyarat untuk memiliki Ijazah Sarjana yang dikeluarkan oleh Universiti Malaya.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah:

1. Untuk mengenalpasti tahap pengetahuan dan penerimaan kakitangan terhadap nilai-nilai dan prinsip-prinsip pengurusan yang diketengahkan dalam Islam.
2. Untuk menyelidiki faktor-faktor yang mempengaruhi kefahaman dan penerimaan kakitangan terhadap prinsip-prinsip Pengurusan Islam.
3. Untuk menilai corak tanggapan kakitangan terhadap Prinsip Pengurusan Islam

Segala maklumat yang diberi akan **DIRAHSIAKAN**. Kerjasama yang diberikan amat penting bagi menjamin hasil kajian yang mantap dan jitu. Semua maklumat yang diberikan amat bermakna bagi tujuan kajian ini dan saya dahului dengan ucapan terima kasih.

AZLINA ABD AZIZ

Pelajar Sarjana Pentadbiran Awam

Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran

Universiti Malaya

50603 Kuala Lumpur

03-9815212

BAHAGIAN A : LATARBELAKANG RESPONDEN

ARAHAN : Soalan 1 - 7

Sila tandakan (X) pada kotak yang berkenaan.

Sebarang bentuk maklumat tambahan bolehlah ditulis pada tempat-tempat yang difikirkan sesuai.

1. Bangsa

- Melayu
- Cina
- India
- Lain-lain, sila nyatakan: _____

2. Agama

- Islam
- Buddha
- Hindu
- Kristian
- Lain-lain, sila nyatakan: _____

3. Umur

- < 20 tahun
- 20 - 29 tahun
- 30 - 39 tahun
- 40 - 50 tahun
- > 50

4. Jantina

- Lelaki
- Perempuan

5. Pendidikan tertinggi

- SPM / STPM
- Sijil / Diploma
- Ijazah
- Sarjana/Ph.D

6. Jangkamasa berkhidmat

- Kurang dari 2 tahun
- 2 - 5 tahun
- 6 - 10 tahun
- 11 - 15 tahun
- lebih 15 tahun

7. Klasifikasi jawatan yang sedang disandang:

- Pengurusan dan Professional
- Khidmat sokongan
- Lain-Lain. Sila nyatakan: _____

BAHAGIAN B : PENGETAHUAN UMUM

ARAHAN: Soalan 1 - 8

Tandakan (X) pada jawapan yang difikirkan sesuai.

1. Berikut adalah pernyataan-pernyataan umum yang berkaitan dengan prinsip Pengurusan Islam kecuali:

- Ia menekankan pendekatan saintifik dalam merangka teori-teori pengurusan yang lebih bersepadau
- Ia menuntut agar setiap tindakan yang baik itu dipatuhi dan ditaati
- Ia memperkenalkan suatu bentuk imbalan perhubungan antara manusia dengan manusia, manusia dengan alam dan manusia dengan Allah
- Ia tertegak atas paradigma Tauhid (keesaan)

2. Salah satu prinsip terpenting dalam Pengurusan Islam ialah:

- Prinsip Birokrasi
- Prinsip Rasionaliti
- Prinsip Keadilan
- Prinsip Praktikaliti

3. Berikut adalah beberapa hak-hak individu yang dijamin untuk semua kakitangan dalam prinsip Pengurusan Islam, kecuali:

- Hak untuk dibela
- Hak untuk bertindak bagi mempertahankan haknya
- Hak mendapatkan gaji yang sama rata untuk suatu jawatan yang sama
- Hak untuk bersosial
- Hak untuk memilih dan mengamalkan agama

4. Yang manakah antara berikut tidak berkaitan dengan konsep kebebasan yang ditekankan dalam prinsip Pengurusan Islam:
- Kebebasan dalam melakukan kebaikan
 - Kebebasan dalam menghalang dan mengkritik penyelewengan
 - Kebebasan dalam bersuara
 - Kebebasan dalam bertindak
 - Kebebasan dalam berpolitik
5. Yang manakah antara berikut menerangkan konsep Syura dalam prinsip Pengurusan Islam.
- I. Bersifat demokrasi
 - II. Bermaksud perbincangan, perundingan, persidangan dan penasihatahan
 - III. Perlu diwujudkan majlis Syura yang mana keanggotaannya adalah dikalangan ketua-ketua jabatan dalam sesuatu organisasi
 - IV. Perbincangan yang dibuat dalam majlis Syura berasaskan hukum syara'
- a) I dan II
 - b) I, II dan IV
 - c) II, III dan IV
 - d) II dan IV
6. Ciri-ciri asas dalam prinsip Pengurusan Islam ialah ia menjamin dan memelihara hak individu lebih tinggi dari hak masyarakat secara keseluruhannya.
- Benar
 - Salah
7. Pengurusan yang berteraskan Islam adalah suatu pendekatan yang mempunyai hubungan yang kuat dengan akhlak.
- Benar
 - Salah

8. Di dalam Islam, etika dan nilai-nilai kemasyarakatan telah dipisahkan dengan nilai-nilai dalam organisasi bagi memastikan semua tugas dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik dan professional.

- Benar
- Salah

ARAHAN: Soalan 9 - 10
Isi ruang kosong yang berkenaan.

9. Apakah yang anda faham tentang Pengurusan Islam?

10. Apakah prinsip-prinsip utama dalam Pengurusan Islam yang anda tahu?

BAHAGIAN C

ARAHAN: Soalan 1-5

Sila tandakan (X) pada jawapan yang difikirkan sesuai

- I. Adakah anda menganggotai mana-mana pertubuhan/parti/badan bukan kerajaan yang berorientasikan Islam? (cth: ABIM, PAS, Tabligh dll)

Ya

Tidak

Jika tidak, sila nyatakan sebabnya: _____

2. Tandakan program-program TV berikut yang biasa anda tontoni.
(anda boleh menanda lebih dari satu jawapan)

Forum Hal Ehwal Islam

Drama (Melayu, Cina dll)

Al-Kulliyah

Dokumentari

Hiburan (cth: Muzik-muzik, HMI dll)

3. Adakah anda pernah dihantar atau pernah mengikuti kursus-kursus/ceramah yang berkaitan dengan Pengurusan Islam atau seumpamanya?

Ya

Tidak

Jika ya, sila senaraikan nama-nama program yang pernah anda hadiri.

I. _____

II. _____

4. Selain dari mendapat pendidikan agama di sekolah kebangsaan, anda juga pernah dihantar oleh keluarga untuk mengikuti. (anda boleh menandakan lebih dari satu pilihan)

- Kelas Fardhu Ain
- Sekolah Agama pada sebelah petang/pagi
- Kelas mengaji Al-Quran
- Kelas tuisyen agama untuk mendalami ilmu fekah, ibadah, akhlak dll
- Lain-lain kelas/kaedah pengajian, sila nyatakan: _____

5. Antara pilihan berikut, yang manakah bahan-bahan yang kerap anda baca. (anda boleh menanda lebih daripada satu pilihan)

- Majalah Tamadun
- Majalah Wanita
- Dewan Masyarakat
- Dewan Budaya
- Majalah URTV
- Majalah Mangga
- Harakah
- Bahan bacaan dari luar negara. Sila nyatakan:
 - i. _____
 - ii. _____
 - iii. _____
- Lain-lain bacaan. Sila nyatakan: _____

Dari bahan bacaan yang telah anda pilih, sila nyatakan sekali ruangan/kolumnya yang amat anda minati dari majalah tersebut.


BAHAGIAN D : PRINSIP-PRINSIP PENGURUSAN ISLAM

ARAHAN: Soalan 1-8


Bulatkan jawapan yang difikirkan sesuai untuk setiap kenyataan berikut.

- A: Sangat Setuju
- B: Setuju
- C: Tidak Setuju
- D: Sangat Tidak Setuju


1. Adakah anda bersetuju sekiranya unsur-unsur dan nilai-nilai Islam dimasukkan dalam pengurusan organisasi anda?




2. Hanya dengan mendalami prinsip-prinsip pengurusan berteraskan Islam mampu menjadikan sesebuah organisasi itu mencapai proses pembangunan yang seimbang.



3. Di dalam sesebuah organisasi, setiap kakitangan di semua peringkat mesti dihantar untuk mengikuti sekurang-kurangnya sekali kursus-kursus yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran yang berteraskan Islam




4. Prinsip pengagihan kuasa dari orang atasan kepada orang bawahan yang ditekankan dalam Prinsip Pengurusan Islam banyak mendatangkan faedah kepada organisasi bagi menjamin kelancaran kerja




5. Organisasi tempat anda bekerja banyak mengamalkan konsep dan pendekatan pengurusan yang berteraskan Islam (cth: persamaan hak, syura, keadilan, kebebasan dll)




6. Hanya organisasi yang mengamalkan konsep Syura (iaitu bermesyuarat dan perbincangan berdasarkan pendekatan Islam) sahaja mampu memberi kepuasan kerja dan menjamin kesejahteraan kepada semua pekerjanya.



7. Amalan Prinsip Pengurusan Islam dalam organisasi yang mempunyai masyarakat majmuk hanya akan membantutkan keberkesanan pengurusan yang dijalankan.



8. Adakah anda bersetuju sekiranya setiap individu di dalam organisasi anda dilarang untuk terlibat dengan politik bagi memastikan tidak berlakunya percanggahan pendapat di pejabat?



ARAHAN: **Soalan 9**
Sila isikan ruang kosong yang berkenaan

9. 'Prinsip Pengurusan Islam tidak sesuai / tidak relevan dilaksanakan dalam organisasi yang mempunyai masyarakat berbilang bangsa'. Sila nyatakan pendapat peribadi anda terhadap pernyataan di atas.

SEBAHAGIAN DARI TEKS UCAPAN DASAR PERHIMPUNAN AGUNG UMNO KE 34

Bismillahir Rahamanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Mulia Pengurus Majlis, Timbalan Presiden, Naib-naib Presiden, Ahli-ahli Majlis Tertinggi, Ketua dan Wakil-wakil Parti Komponen Barisan Nasional, Dif-dif Kehormat, Para Perwakilan dan Pemerhati, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, dengan limpah kurnia dan izin Allah s.w.t., sekali lagi kita dapat berkumpul menghadiri Perhimpunan Agung UMNO ini. Sebagai Presiden Parti, bagi pihak Parti dan Majlis Tertinggi, saya mengucapkan selamat datang kepada

.....Disiplin juga tidak kurang pentingnya. Mereka yang berdisiplin sahaja iaitu yang dapat mengawal kehendak diri dan sanggup mengikut peraturan dan arahan, yang dapat membuat sumbangan kepada daya pengeluaran. Di samping itu, minat dan kesanggupan untuk menggunakan pengetahuan-pengetahuan baru, untuk meningkatkan kemahiran dan menggunakan teknologi dan cara-cara yang lebih berkesan, boleh membantu meningkatkan lagi daya

pengeluaran kita. Seterusnya , kesanqgupan dan minat untuk bekerjasama akan menjamin pencapaian yang lebih tinggi bagi semua. Ini semua adalah amat penting, kerana kita hidup dalam zaman moden yang mengkehendaki kita berlumba dengan orang-orang lain, kaum-kaum lain dan bangsa-bangsa lain dalam mengejar kejayaan dan kebahagian hidup.

Itulah sebabnya Kerajaan menganjurkan supaya kita semua mengamalkan etika kerja yang baik. Yang dimaksudkan dengan etika kerja ialah semangat dan cara bekerja yang diasaskan kepada nilai moral yang tinggi dan membelakangkan nafsu. Upah untuk kerja memang penting, tetapi bekerja semata-mata kerana upah akan menjadikan kita sebagai hamba upahan.

Kerajaan sedang berusaha meningkatkan daya pengeluaran dan memupuk nilai kerja yang baik dengan berbagai-bagai cara. Usaha-usaha ini bukanlah usaha-usaha yang mudah, malah ia mungkin tidak akan berjaya tanpa kerjasama semua pihak dan setiap individu. UMNO sebagai parti yang menjadi tunjang kepada kerajaan, mestilah sama-sama mendukung cita-cita ini dan menggerakkan jenteranya bagi menjayakan cita-cita ini. Yang kita lakukan ialah untuk menjayakan prinsip bersih, cekap dan amanah yang mana kepimpinan melalui teladan adalah cara yang mustajab sekali.....

Usaha-usaha ke arah menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran yang bermakna menerapkan nilai-nilai moral yang tinggi adalah berdasarkan rasional bahawa sesebuah negara tidak mungkin mencapai dan menjamin kebahagian

kecuali dengan nilai-nilai tinggi ini. Kita faham bahawa yang membezakan manusia dengan haiwan ialah akal fikiran dan nilai-nilai kemanusiaan. Islam mementingkan kedua-duanya dan itulah sebabnya kita menjadikan usaha menerapkan nilai-nilai Islam sebagai teras kebahagiaan dan masa depan kita. Sesungguhnya, semua nilai Islam tidaklah berbeza daripada nilai-nilai yang tinggi dan dapat diterima oleh alam sejagat. Cuma mereka yang sudah membelakangkan nilai-nilai moral yang wajar sahaja yang akan berasa terancam dengan hasrat Kerajaan untuk menerakan nilai-nilai Islam dalam pemerintahan dan gerak geri negara. Rakyat tidak perlu khuatir dengan telatah beberapa kumpulan ekstremis kerana ia bukanlah dari ajaran Islam yang sebenar dan Kerajaan tidak berminat untuk menyerap amalan-amalan mereka.

Usaha-usaha ini (memperkenal serta menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran) bukanlah untuk menakut-nakutkan setengah-setengah pihak, dan ia juga bukan untuk memaksa rakyat bukan Islam menjadi Islam.....

Saya telah berucap agak begitu panjang dan saya percaya ada di antara saudara saudari yang ternanti-nanti untuk membahasnya. Oleh itu, tanpa membuang masa, saya mengakhiri ucapan saya ini dengan mengucapkan selamat bersidang dan selamat maju jaya. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sumber: <http://www.smpke.jpm.my/prime%20minister/pm-main.htm>